



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS PERHIMPUNAN MAULUD
NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM
PERINGKAT NEGARA BAGI TAHUN 1441 HIJRAH**

**PADA HARI SABTU, 12 RABIULAWAL 1441H
BERSAMAAN 9 DISEMBER 2019M.**

**BERTEMPAT DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIN,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، بَعَثَ عَبْدَهُ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً الْأَمِينَ بَنِيهَا وَرَسُولًا رَّحْمَةً لِلْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْنِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى أَئِلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah

Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien

Sultan Dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Penasihat serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam serta juga Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam pada tahun ini menyembahkan sembah junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat ke majlis perhimpunan Maulidin Nabi pada pagi ini bertemakan "MENELADANI MUAMALAT RASULULLAH SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM".

Tema ini diketengahkan supaya muamalat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu disedari dan difahami dengan baik yang mana ianya adalah asas panduan yang boleh dikembangkan dalam ehwal kawangan, ekonomi, perniagaan dan perdagangan samada yang berskala kecil atau berskala besar, dengan ingatan bahawa ianya adalah dalam landasan ajaran Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Kesedaran dan kefahaman yang baik itu amat mustahak dicanai kerana kepentingan muamalat di dalam menjaga kemaslahatan masyarakat dalam

semua peringkat kehidupan termasuklah negara amatlah dituntut kerana ia bersangkutan dengan keberkatan. Allah Subhanahu wa Ta'ala memberi peringatan di dalam al-Qur'an :

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْآنَ إِمْنَوْا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا

كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Tafsirnya:

"Dan kalaularah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan". [Surah al-A'raf ayat 96].

Ampun Beribu Ampun,

Disembahkan bahawa peserta-peserta perhimpunan pada tahun ini adalah sejumlah 130 pasukan terdiri daripada pasukan sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab, institusi-institusi Pengajian Tinggi, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, persatuan-persatuan dan sektor swasta, majlis-majlis perundingan kampong dan Jemaah takmir masjid yang dianggarkan hampir seramai 12,940 orang, iaitu sebagaimana yang didaftarkan oleh masing-masing pasukan.

Disembahkan lagi bahawa Dikir Marhaban pula akan dialunkan oleh pasukan dari pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Tidak syak lagi bahawa keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik yang bercemar duli bersama-sama rakyat di dalam perhimpunan dan perarakan nanti adalah merupakan manifestasi kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik yang berkesan dalam membawa rakyat cintakan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dengan menuruti ajaran-ajaran Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam serta mensyukuri Allah kerana mengutus Baginda menjadi Rasul yang membawa rahmat kepada alam sejagat.

Ampun Beribu Ampun,

Demikianlah disembahkan.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan ta'zim menyembahkan sekali lagi sembah menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dengan irungan doa semoga Kebawah Duli Tuan Patik akan sentiasa berada dalam 'inayah, ri'ayah dan hidayah Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan rahmat sihat sejahtera serta bahagia bersama Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik dan melimpahkan kebahagiaan kepada sekalian rakyat jelata dan penduduk yang bernaung dan menjunjung tinggi payung kepimpinan pemerintahan beraja negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan bagi menyembahkan sembah menjunjung kasih atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan diplomat-diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin dan para peserta perhimpunan.

Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala merahmati kita sekalian di dunia ini dengan berkat berselawat untuk nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dengan mengharapkan syafaat baginda di hari akhirat kelak.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
Khamis 10hb Rabiulawal 1441 / 7hb November 2019